



Peluasan Perlindungan Akta 4 & Akta 800 Kepada Pekerja Domestik

01

Pekerja Domestik

Seorang pekerja domestik yang diambil bekerja semata-mata dalam kerja atau yang berkaitan dengan kerja bagi suatu rumah kediaman persendirian dan bukan diambil bekerja bagi apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan sama ada di dalam atau di luar rumah kediaman itu.

02

Contoh-contoh Pekerja Domestik

- ✓ Pembantu rumah
- ✓ Pemandu peribadi
- ✓ Tukang kebun
- ✓ Tukang masak
- ✓ Pengawal peribadi
- ✓ Pengawal keselamatan
- ✓ Penjaga orang tua
- ✓ Pengasuh bayi / kanak-kanak



03

Syarat Pekerja Domestik

- 1) Warganegara / Pemastautin Tetap (PR) / Pemastautin Sementara (TR)
- 2) Warganegara asing dengan dokumen perjalanan yang sah



04

Syarat Majikan

- 1) Majikan warganegara Malaysia
- 2) Majikan warganegara asing boleh menggajikan pekerja warganegara Malaysia sahaja



Apakah perlindungan di bawah Akta 4 dan Akta 800 yang layak diterima oleh pekerja domestik warganegara Malaysia, PR, TR dan asing?



Akta/ Pekerja Domestik		Akta 4	Akta 4	Akta 800
		Skim Bencana Pekerjaan	Skim Keilatan	Skim Insurans Pekerjaan
Warganegara Malaysia		✓	✓	✓
Pemastautin Tetap (PR)		✓	✓	✓
Pemastautin Sementara (TR)		✓	✓	✓
Asing		✓	✗	✗
Kadar Caruman	Majikan	1.25%	0.5%	0.2%
	Pekerja Domestik	-	0.5%	0.2%

05

Tarikh Berkuatkuasa

Liputan untuk pekerja domestik bagi Akta 4 & Akta 800 bermula pada

1 Jun 2021



06

Tarikh Pendaftaran

Pendaftaran majikan dan pekerja domestik boleh dibuat mulai

16 Jun 2021

07

Cara Pendaftaran

- 1) Majikan perlu mengemukakan Borang Pendaftaran ID Portal ke emel **idportal@perkeso.gov.my** untuk mendapatkan kebenaran akses ke dalam portal ASSIST.
- 2) Selepas mengakses portal ASSIST, majikan hendaklah membuat pendaftaran majikan dan pekerja melalui portal tersebut dengan memuat naik dokumen sokongan berikut:

Bagi Pendaftaran Di Bawah Akta 4

- i. Borang 1 (Borang Pendaftaran Majikan)
- ii. Borang Pendaftaran Pekerja Domestik
- iii. Salinan Kad Pengenalan/Pasport terkini Majikan
- iv. Salinan Kad Pengenalan/Pasport terkini Pekerja Domestik

Bagi Pendaftaran Di Bawah Akta 800 (Jika Berkaitan)

- i. Borang SIP1 (Borang Pendaftaran Majikan)
- ii. Borang SIP2 (Borang Pendaftaran Pekerja)

08

Faedah Yang Disediakan

Akta 4

Skim Bencana Pekerjaan	Skim Keilatan
Faedah Perubatan	Pencen Ilat
Faedah Hilang Upaya Sementara	Bantuan Ilat
Faedah Hilang Upaya Kekal	Pencen Penakat
Faedah Orang Tanggungan	
Elaun Layanan Sentiasa	
Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional / Return To Work (RTW)	
Faedah Pengurusan Mayat	
Faedah Pendidikan	

Akta 800

- ✓ Elaun Mencari Pekerjaan
- ✓ Elaun Bekerja Semula Awal
- ✓ Yuran Latihan
- ✓ Elaun Latihan
- ✓ Elaun Pendapatan Berkurangan
- ✓ Penempatan Pekerjaan & Kaunseling Kerjaya

